

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI ABIDULLAH BIN SALLEH
TARIKH : 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 101

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai mekanisme terkini dalam mengawal penjualan dan penggunaan lampu xenon kereta (*xenon headlights*) yang menyumbang kepada kemalangan di atas jalan raya pada waktu malam.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menguatkuasakan peraturan kenderaan motor berdasarkan skop di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedahnya. Secara umumnya, Akta ini membolehkan peruntukan dibuat mengenai pengawalseliaan kenderaan-kenderaan motor dan lalu lintas jalan raya sahaja. Oleh yang demikian, pihak JPJ tidak mempunyai sebarang punca kuasa bagi mengawal penjualan lampu xenon atau komponen automotif lain di dalam premis / kedai.
2. Dalam aspek pengawalseliaan penggunaan lampu *xenon* atau HID pada kenderaan motor pula, pihak Kementerian melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengawalselia pematuhan standard mandatori dan spesifikasi lampu kenderaan terhadap setiap model baharu kenderaan melalui proses Kelulusan Jenis Kenderaan (*Vehicle Type Approval - VTA*). Kriteria penilaian bagi spesifikasi lampu hadapan kenderaan model baharu adalah berdasarkan pematuhan kepada Peraturan *United Nations* (UN) dan *Malaysian Standard* (MS) iaitu seperti berikut:
 - a) MS ISO 303 : *Road Vehicles – Installation Of Lighting And Light Signalling Devices For Motor Vehicles And Their Trailers*;
 - b) Peraturan UN R48 : *Installation of lighting and light - signalling devices*;
 - c) Peraturan UN R98 : *motor vehicle headlamps equipped with gas-discharge light sources*;
 - d) Peraturan UN R99 : *gas-discharge light sources for use in approved gas-discharge lamp units of power-driven vehicles*.
3. Pihak Kementerian turut telah menetapkan bahawa sebarang pemasangan lampu Xenon / HID secara aksesori (*retrofit*) adalah tidak dibenarkan kerana boleh mengganggu penglihatan dan memudaratkan pengguna jalan raya yang lain. Namun begitu, larangan tersebut tidak terpakai terhadap model - model kenderaan yang telah diluluskan di

bawah proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) bagi menggunakan lampu Xenon / HID tertakluk kepada pematuhan mandatori Peraturan UN dan MS yang berkenaan.

4. Melalui operasi sekatan jalan raya, pihak JPJ turut sentiasa menjalankan aktiviti pemeriksaan terhadap kenderaan yang mengubahsuai atau memasang lampu Xenon / HID secara aksesori (*retrofit*) dan akan mengeluarkan Notis Larangan Penggunaan Kenderaan (PG1) di bawah Seksyen 59 Akta Pengangkutan Jalan 1987 kepada kenderaan yang berkenaan.
5. Seterusnya, tindakan undang – undang boleh dikenakan terhadap kenderaan motor tersebut melalui Kaedah 94, Kaedah - Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 iaitu keadaan kenderaan atau mana – mana aksesorinya boleh mengakibatkan bahaya pada orang di dalam kenderaan atau pengguna lain di atas jalan raya. Kesalahan ini boleh didenda sehingga RM 2,000 atau penjara bagi tempoh tidak lebih 6 bulan di bawah Seksyen 119(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sekian, terima kasih.